



Perjanjian London 1824

Perjanjian Inggeris-Belanda, 1824

PERSETIAAN ANTARA DULI YANG MAHA MULIA BAGINDA KING GREAT BRITAIN DENGAN RAJA NEGERI BELANDA BERKAITAN DENGAN WILAYAH DAN PERDAGANGAN DI HINDIA TIMUR, DITANDATANGANI DI LONDON PADA 17 HARI BULAN MAC 1824

Dengan Nama Trimurti Paling Kudus dan Paling Tunggal.

Duli Yang Maha Mulia Baginda King United Kingdom Great Britain dan Ireland, dan Duli Yang Maha Mulia Baginda Raja Negeri Belanda, berhasrat mewujudkan suasana saling memanfaatkan berkaitan dengan Tanah Jajahan dan Perdagangan rakyat masing-masing di Hindia Timur, supaya kesejahteraan dan kemakmuran kedua-dua negara boleh digalakkan sepanjang waktu pada masa hadapan, tanpa apa-apa perbezaan dan rasa cemburu yang pada masa lampau telah menggugat keharmonian yang sepatutnya wujud antara mereka; dan dengan harapan segala kejadian salah faham antara Wakil masing-masing boleh, sedapat mungkin, dihalang; dan dengan tujuan membuat keputusan tentang sesetengah persoalan yang telah timbul dalam penyempurnaan Konvensyen yang dibuat di London pada 13 hari bulan Ogos 1814, setakat yang berkaitan dengan Tanah Jajahan Duli Yang Maha Mulia Baginda Raja Negeri Belanda di Timur, telah melantik Wakil Penuh Kerajaan masing-masing, iaitu:-

Duli Yang Maha Mulia Baginda King United Kingdom Great Britain dan Ireland melantik Yang Amat Arif George Canning, seorang Ahli Majlis Privi Yang Amat Mulia Duli Yang Maha Mulia Baginda King, Ahli Parlimen, dan Ketua Setiausaha Negara bagi Hal-Ehwal Luar Duli Yang Maha Mulia Baginda King; dan Yang Amat Arif Charles Watkin Williams Wynn, seorang Ahli Majlis Privi Yang Amat Mulia Duli Yang Maha Mulia Baginda King, Ahli Parlimen, Leftenan Kolonel Pemerintah Rejimen Askar Berkuda Yeomanry di Montgomeryshire, dan Presiden Lembaga Pesuruhjaya Duli Yang Maha Mulia Baginda King bagi Hal-Ehwal India:-

Dan Duli Yang Maha Mulia Baginda Raja Negeri Belanda melantik Baron Henry Fagel, Ahli Kor Askar Berkuda Wilayah Holland, Konsul Negara, Knight Grand Cross of the Royal Order of the Belgic Lion, dan Royal Guelphic Order, dan Duta Besar Khas dan Wakil Penuh Duli Yang Maha Mulia Raja Belanda (di negeri) Duli Yang Maha Mulia Baginda King Great Britain; dan Anton Reinhard Falck, Commander of the Royal Order of the Belgic lion, dan Menteri Jabatan Arahan Awam, Perindustrian Negara, dan Tanah Jajahan Duli Yang Maha Mulia Baginda King:-

Yang, setelah menyampaikan Kuasa Penuh masing-masing, mendapati segala-galanya baik dan sewajarnya, maka telah bersetuju tentang Perkara-perkara berikut yang berikut:

Perkara I

Pihak Penjanji Tertinggi berjanji membenarkan rakyat satu sama lain berdagang antara Tanah Jajahan masing-masing di Kepulauan Timur, dan di Benua India dan di Ceylon, sebagai negara bertaraf paling diutamakan; dan rakyat masing-masing perlu mematuhi Peraturan tempatan di setiap Petempatan.

Perkara II

Rakyat dan kapal sebuah negara tidak perlu membayar, atas pengimportan atau pengeksportan di pelabuhan pihak yang satu lagi di Laut Timur, apa-apa duti pada kadar yang melebihi sekali ganda duti yang dikenakan ke atas rakyat dan kapal negara pemilik pelabuhan itu.

Duti yang dibayar ke atas eksport atau import di Pelabuhan British di Benua India, atau di Ceylon oleh kapal kargo Belanda, hendaklah dikira sebegitu rupa supaya tiada apa-apa duti yang dikenakan itu melebihi sekali ganda amaun duti yang dibayar oleh kapal kargo British.

Berhubung dengan apa-apa barang yang tiada apa-apa duti dikenakan, apabila diimport atau dieksport oleh rakyat, atau di atas kapal negara pemilik pelabuhan itu, maka duti yang dikenakan ke atas rakyat atau kapal pihak yang satu lagi itu tidak boleh dalam mana-mana hal melebihi enam peratus.

Perkara III

Pihak Penjanji Tertinggi berjanji bahawa selepas ini tiada apa-apa Persetiaan dibuat oleh mana-mana pihak, dengan mana-mana Kuasa Peribumi di Laut Timur yang boleh mengandungi apa-apa Perkara yang cenderung, sama ada secara nyata atau melalui penetapan duti tak setara bagi mengecualikan perdagangan Pihak yang satu lagi daripada pelabuhan Kuasa Peribumi itu; dan jika dalam mana-mana Persetiaan yang wujud kini pada mana-mana Pihak terdapat apa-apa Perkara yang mempunyai maksud sedemikian, maka Perkara itu hendaklah terbatal sebaik-baik sahaja Persetiaan ini diikat. Maka adalah difahami bahawa sebelum pengikatan Persetiaan ini, perhubungan telah dibuat oleh setiap Pihak Penjanji dengan pihak yang satu lagi tentang segala Persetiaan atau Perjanjian yang wujud antara setiap mereka dengan mana-mana Kuasa Peribumi di Laut Timur dan bahawa perhubungan itu hendaklah dibuat berkaitan dengan segala Persetiaan yang diikat oleh mereka masing-masing selepas ini.

Perkara IV

Duli-Duli Yang Maha Mulia Baginda King Great Britain dan Raja Negeri Belanda berjanji memberi Perintah yang ketat kepada Pihak Berkuasa Awam dan juga Tentera dan demikian juga kepada Kapal Perang mereka supaya menghormati kebebasan perdagangan yang ditetapkan oleh Perkara I, II dan III; dan tidak boleh, dalam mana-mana hal menyekat perhubungan bebas Peribumi di Kepulauan Timur dengan pelabuhan kedua-dua Kerajaan atau rakyat kedua-dua Kerajaan dengan Pelabuhan kepunyaan Kuasa Peribumi.

Perkara V

Duli-Duli Yang Maha Mulia Baginda King Great Britain dan Raja Negeri Belanda, juga berjanji bersetuju mencegah pelanunan di laut-laut itu; mereka tidak akan memberi sama ada suaka atau perlindungan kepada kapal yang terlibat dalam pelanunan, dan mereka tidak akan membenarkan dalam mana-mana hal kapal atau dagangan yang ditawan oleh kapal itu dibawa masuk, disimpan, atau dijual di mana-mana Tanah Jajahan mereka.

Perkara VI

Maka adalah dipersetujui bahawa Perintah akan diberikan oleh kedua-dua Kerajaan kepada Pegawai dan Wakil mereka di Timur supaya tidak mendirikan apa-apa Petempatan baru di mana-mana pulau di Laut Timur, tanpa terlebih dahulu memperoleh kebenaran daripada Kerajaan masing-masing di Eropah.

Perkara VII

Kepulauan Maluku, khususnya Ambon, Banda, Temate, dan Wilayah Tanggungan terdekat masing-masing adalah dikecualikan daripada kuat kuasa Perkara I, II, III dan IV, sehingga Kerajaan Negeri Belanda mendapati sesuai untuk melepaskan monopoli rempah-ratus; tetapi jika Kerajaan tersebut, pada bila-bila masa sebelum pelepasan monopoli itu, hendak membenarkan rakyat mana-mana kuasa, selain Kuasa Peribumi Asia, menjalankan apa-apa hubungan perdagangan dengan pulau-pulau tersebut, maka rakyat Duli Yang Maha Mulia Baginda King Great Britain hendaklah dibenarkan mengadakan hubungan sedemikian dengan kedudukan yang betul-betul serupa.

Perkara VIII

Duli Yang Maha Mulia Baginda Raja Negeri Belanda menyerah kepada Duli Yang Maha Mulia Baginda King Great Britain, semua pertapakannya di Benua India, dan melepaskan segala keistimewaan dan pengecualian yang dinikmati atau dituntut disebabkan oleh pertapakan itu.

Perkara IX

Kilang di Kota Marlborough dan semua Tanah Jajahan British di Pulau Sumatera adalah dengan ini diserahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Baginda Raja Negeri Belanda; dan Duli Yang Maha Mulia Baginda King Great Britain selanjutnya berjanji bahawa tiada apa-apa Petempatan British akan didirikan di Pulau itu, dan tiada apa-apa persetiaan akan diikat oleh Pihak Berkuasa British dengan mana-mana Raja, Orang Besar atau Negeri Peribumi di sana.

Perkara X

Bandar dan Kota Melaka serta Wilayah Tanggungannya adalah dengan ini diserahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Baginda King Great Britain; dan Duli Yang Maha Mulia Baginda Raja Negeri Belanda berjanji, bagi pihak diri dan rakyat

Baginda, tidak akan mendirikan apa-apa Pertapakan di mana-mana bahagian Semenanjung Melaka, atau mengikat apa-apa Persetiaan dengan mana-mana Raja, Pembesar atau Negeri Peribumi di sana.

Perkara XI

Duli Yang Maha Mulia Baginda King Great Britain menarik balik bantahan yang dibuat berhubung dengan pendudukan Pulau Belitong dan Wilayah Tanggungannya, oleh Wakil Kerajaan Negeri Belanda.

Perkara XII

Duli Yang Maha Mulia Baginda Raja Negeri Belanda menarik balik bantahan yang dibuat berhubung dengan pendudukan Pulau Singapura, oleh rakyat Duli Yang Maha Mulia Baginda King Great Britain.

Walau bagaimanapun, Duli Yang Maha Mulia Baginda King Great Britain berjanji bahawa tiada apa-apa Pertapakan British akan didirikan di Pulau Karimon, atau di Pulau Batam, Bintang, Lingin, atau di mana-mana pulau lain di selatan Selat Singapura, dan tiada apa-apa Persetiaan akan diikat oleh Pihak Berkuasa British dengan para Pembesar pulau-pulau itu.

Perkara XIII

Segala Tanah Jajahan, Petempatan dan Pertapakan yang diserahkan melalui Perkara terdahulu hendaklah diserahkan kepada para Pegawai Raja masing-masing pada 1 hari bulan Mac 1825. Segala Kubu hendaklah berada dalam keadaan seperti sebelum tempoh pemberitahuan Persetiaan ini di India; tetapi tiada apa-apa tuntutan boleh dibuat oleh suatu pihak ke atas pihak yang satu lagi terhadap kelengkapan tentera atau bekalan daripada apa jua jenisnya, sama ada yang telah ditinggalkan atau dipindahkan oleh Kuasa penyerah, dan tiada juga terhadap apa-apa tunggakan hasil atau bagi apa-apa bayaran pentadbiran.

Perkara XIV

Semua penduduk Wilayah yang diserahkan melalui Perjanjian ini, akan menikmati kebebasan, selama satu tempoh enam tahun dari tarikh ratifikasi Persetiaan ini, bagi melupakan, sesuka hati mereka, segala harta mereka dan berpindah ke mana-mana negeri yang mereka sukai, tanpa disuruh atau dihalang.

Perkara XV

Pihak Penjanji Tertinggi bersetuju bahawa tiada mana-mana Wilayah atau Pertapakan yang disebut dalam Perkara VIII, IX, X, XI, dan XII boleh, pada bila-bila masa, dipindahkan kepada mana-mana kuasa lain. Sekiranya mana-mana Tanah Jajahan tersebut ditinggalkan oleh salah satu Pihak Penjanji, maka hak pendudukannya hendaklah dengan serta-merta beralih ke pihak yang satu lagi.

Perkara XVI

Maka adalah dipersetujui bahawa segala akaun dan penuntutan kembali yang berbangkit daripada pemulangan Jawa, dan Tanah Jajahan lain kepada para Pegawai Duli Yang Maha Mulia Baginda Raja Negeri Belanda di Hindia Timur dan juga yang tertakluk di bawah Konvensyen yang dibuat di Jawa pada 24 hari bulan Jun 1817 antara Pesuruhjaya kedua-dua Negara itu, seperti yang lain-lainnya-hendaklah ditutup sepenuhnya secara muktamad dan diselesaikan dengan bayaran sejumlah wang sebanyak seratus ribu paun sterling, yang hendaklah dibuat di London oleh pihak Negeri Belanda, sebelum habis tempoh tahun 1825.

Perkara XVII

Persetiaan ini hendaklah diratifikasikan, dan ratifikasi yang akan dibuat bersama-sama di London hendaklah diadakan dalam tempoh tiga bulan dari tarikh ini, atau secepat yang mungkin jika boleh.

Pada menyaksikannya, maka Wakil Penuh Kerajaan masing-masing telah menandatangani Persetiaan ini dan mengesahkan padanya meterai lambang mereka.

Dibuat di London pada tujuh belas hari bulan Mac tahun Masihi satu ribu lapan ratus dua puluh empat.

(T.T.) GEORGE CANNING.

(T.T.) CHARLES WATKIN WILLIAMS WYNN.

(Sumber: Perjanjian & Dokumen Lama Malaysia 1791-1965, KL:I TNM, 2010)

